



PENGERUSI Kulim, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim. - Foto Mohd Azren Jamaludin

1,000 sertai Kota Tinggi Trail Run

Oleh Nurul Amanina Suhaini
bhjb@bh.com.my



KOTA TINGGI: Kira-kira 1,000 peserta sukan lasak larian berhalangan tempatan dan luar negara menyertai Kejohanan Kota Tinggi Trail Run 2017 di Kulim Eco Trail Retreat, Ladang Basir Ismail, dekat sini.

Kejohanan kali kedua anjuran Johor Corporation (JCorp) menerusi Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim) itu bertujuan mempromosi Sungai Johor dan menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini khususnya daerah Kota Tinggi.

Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp merangkap Pengerusi Kulim, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim, berkata peserta perlu melalui pelbagai halangan termasuk meredah cabaran berbukit di ladang sawit milik Kulim.

"Peserta juga perlu melintas anak sungai sebelum tiba ke garisan penamat di Kulim Eco Trail Retreat. Tahun ini kami terima lebih 20 peratus peserta luar negara termasuk Kenya, Filipina, Thailand, Indonesia dan Singapura.

"Kulim Eco Trail Retreat ini cukup dengan pakej pelancongan. Ada penginapan, lokasi bersejarah, tempat riadah, tempat makan, kebudayaan dan warisan yang menjadikannya antara destinasi pelancongan utama di Johor," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Acara dirasmikan Pegawai Daerah Kota Tinggi, Dr Badrul Hisham Kassim dan turut dihadiri Pengarah Eksekutif Kulim, Zulkifly Zakariah.

Sementara itu, Zulkifly berkata, acara berkenaan mengekalkan dua kategori, namun jarak larian ditambah kepada tujuh kilometer (km) dan 15km, berbanding masing-masing 5km dan 10km pada tahun lalu.

"Tahun ini, turut dipertandingkan kategori baharu iaitu Kategori Khas JCorp yang disertai kakitangan Kumpulan JCorp. Ia bagi membudayakan gaya hidup sihat, selain mengisi masa lapang khususnya cuti hujung minggu bersama ahli keluarga," katanya.

Ketua Divisyen Khidmat Korporat dan Pembangunan Perniagaan Kulim, Abdul Shukor Abdullah, pula berkata program itu menjadi antara acara sukan 'trail run' komersial yang disertai paling ramai peserta di Johor.

"Tambah menarik, tawaran hadiah keseluruhan pula lebih RM15,000 selain sebuah motosikal bernilai RM4,000 sebagai hadiah utama untuk pemenang cabutan bertuah," katanya.